

RISALAH PEMBERITAHUAN PRODUK

Pelanggan Yang Dihormati,

Risalah Pemberitahuan Produk (PDS) ini bertujuan untuk memberikan anda maklumat yang penting mengenai insurans pakej kebakaran anda.

Pelanggan-pelanggan lain telah membaca PDS ini dan mendapati ia bermanfaat; **anda juga harus membacanya.**

**PACIFIC
INSURANCE**

A member of the Fairfax Group

Maklumat yang terkandung di dalam Risalah Pemberitahuan Produk ini adalah sah dari 1 Januari 2026.

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah sijil/polisi/produk yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi The Pacific Insurance Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

1. Apakah Insurans Pakej Property Pro JMB?

Pakej Property Pro JMB direka khusus untuk menyediakan perlindungan insurans kepada hartanah kediaman iaitu Kondominium, Apartmen, Rumah Bandar, SOHOs (Pejabat Kecil & Pejabat Rumah) dan Bangunan Pejabat di bawah hak milik bertanda. Polisi ini menyediakan pelan insurans "Semua-Dalam-Satu" dengan pelbagai perlindungan insurans yang melindungi aktiviti anda sebagai Badan Pengurusan Bersama atau Perbadanan Pengurusan.

2. Ketahui Perlindungan Anda

Sebagai ilustrasi, pangsapuri (kod PIAM 1008) dengan jumlah diinsurans sebanyak RM5,000,000.00 (kelas pembinaan 1A), anda akan mendapat perlindungan berikut dengan bayaran sebanyak RM2,310.00 setiap tahun (tertakluk kepada Cukai Perkhidmatan dan Duti Setem):

Polisi ini melindungi:	Polisi ini mengecualikan:
Seksyen 1: Kebakaran (Property Pro) (Mandatori) Menginsuranskan harta dan/ atau kandungan dalam harta anda terhadap kerugian atau kerosakan akibat kebakaran, kilat dan letupan dandang domestik atau gas yang digunakan untuk tujuan domestik. Polisi ini menyediakan tiga manfaat nilai tambah berikut (Bukan Tarif): • Kecurian Stok dalam Dagangan, Barang Dagangan dan/atau Isi Kandungan akibat Kebakaran • Perlindungan Sementara • Penjejakan Kebocoran Air Seksyen 1a: Perluasan Sabotaj dan Keganasan (Pilihan) PAKEJ AM (Mandatori) Seksyen 2 : Pecah Masuk Seksyen 3 : Tuntutan Wang Seksyen 4 : Kaca Seksyen 5 : Jaminan Setia Seksyen 6 : Semua Risiko (Perlindungan Terhad) Seksyen 7 : Liabiliti Awam Seksyen 8 : Liabiliti Majikan Seksyen 9 : Kemalangan Diri Kumpulan (Pilihan) Seksyen 10 : Kerosakan Jentera (Rugi Pertama) Seksyen 11 : Ralat & Ketinggalan <i>Keterangan mengenai perlindungan yang tersedia hanyalah ringkasan ringkas untuk rujukan cepat dan mudah. Sila rujuk kepada Borang Cadangan dan / atau kontrak Polisi untuk butiran lengkap Rancangan dan perlindungan / manfaat yang ada di bawah Polisi ini.</i>	• Kerugian atau kerosakan secara langsung atau tidak langsung diakibatkan oleh bahan senjata nuclear • Gempa bumi, letusan gunung berapi atau konvulsi alam semula jadi • Taufan, angin puting beliung, tornado, siklon atau gangguan atmosfera yang lain • Perang, pencerobohan, tindakan musuh asing, permusuhan atau operasi perang (sama ada perang diisytiharkan atau tidak) atau perang saudara • Penindasan, pemberontakan, pemberontakan, revolusi, tentera atau rampasan kuasa, undang-undang tentera atau keadaan pengepungan atau sebarang peristiwa atau sebab yang menentukan pengisytiharan atau penyelenggaraan undang-undang tentera atau keadaan pengepungan. • Apa-apa tindakan keganasan (kecuali kehilangan atau kerosakan kepada harta yang diinsuranskan kerana Sabotaj dan Keganasan jika Seksyen 1 (a) dilaksanakan dan premium tambahan dibayar. <i>Nota: Senarai ini tidak lengkap dan bukan untuk Pakej Am dan Seksyen lain di bawah polisi ini. Sila rujuk kontrak polisi sampel untuk senarai penuh pengecualian.</i>

Anda boleh melanjutkan perlindungan ke atas risiko berikut dengan membayar premium tambahan di bawah Seksyen 1: Kebakaran (Property Pro):

- Kerosakan Perlanggaran Pesawat
- Gempa Bumi dan Letusan Gunung Berapi
- Ribut, Taufan
- Banjir
- Letupan
- Kerosakan Hentaman
- Pecahan atau Limpahan Radas Tangki Air atau Paip
- Fasal Pemasangan Elektrik (B)
- Kebakaran Belukar / Lalang
- Penenggelaman dan Gelinciran Tanah
- Kebakaran Spontan
- Kerosakan akibat Rusuhan, Mogok serta Niat Jahat
- Kerosakan dari Pokok Tumbang atau Dahan atau Objek Darinya
- Fasal B Penyimpanan Sejuk
- Kebocoran Pemercik

Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan atau memerlukan bantuan mengenai insurans Pakej Property Pro JMB, anda boleh:



Hubungi kami di
+603-2633 8999



Lawati laman sesawang kami di:
The Pacific Insurance Berhad



E-mel kami di:
customerservice@pacificinsurance.com.my

3. Ketahui Kewajipan Anda

Bagi insurans ini, anda dikehendaki membayar premium sebanyak:

Perlindungan Standard	Kebakaran – RM1,680.00 Pakej Am (Pelan 1) – RM630.00
Perlindungan Tambahan	Kerosakan Rusuhan Mogok dan Niat Jahat (hartanah kediaman) – RM350.00
Jumlah premium yang anda perlu bayar ialah RM2,660.00 .	

Anda juga dikehendaki membayar kos dan caj berikut:

Duti Setem	RM10.00
Komisen	15% daripada premium atau RM399.00 (termasuk dalam jumlah premium)
Cukai Perkhidmatan	8% daripada premium atau RM212.80

4. Terma-terma penting yang lain

- Anda mesti memastikan bahawa jumlah yang diinsuranskan untuk harta dan kepentingan anda di bawah Seksyen Kebakaran adalah berdasarkan kos penggantian atau pengembalian semula baru, dengan mengambilkira pengubahsuaian/ penambahbaikan yang dibuat terhadap harta anda. Jika amaun yang diinsuranskan kurang daripada nilai penggantian sebenar pada masa kehilangan, syarat purata akan dikenakan sekiranya berlaku tuntutan.
- Amaun yang boleh ditolak / berlebihan ialah amaun yang perlu anda tanggung sebelum kami membayar tuntutan.
- Sekiranya ada notifikasi tuntutan daripada pihak ketiga, anda tidak boleh mengakui, menawarkan, menjanjikan atau membayar pihak menuntut tanpa persetujuan bertulis daripada kami.
- Premium mesti dibayar dan diterima oleh kami dalam masa 60 hari dari hari perlindungan bermula, jika tidak perlindungan ini adalah dibatalkan secara automatik dan anda masih bertanggungjawab bagi premium pro rata pada tempoh hari-hari yang kami masih menanggung risiko.
- Anda dikehendaki mendedahkan apa-apa perkara lain yang anda tahu berkaitan dengan keputusan kami dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang akan dikenakan dan apa-apa perkara seorang yang munasabah dalam keadaan itu boleh dijangka tahu sebagai berkaitan.
- Anda mempunyai kewajipan untuk memberitahu kami dengan serta-merta jika pada bila-bila masa selepas kontrak insurans anda ditandatangani, diubah atau diperbaharui dengan kami (atau semasa permohonan insurans ini), apa-apa maklumat yang dinyatakan dalam Borang Cadangan tidak tepat atau sudah berubah.
- Tempoh perlindungan adalah selama satu tahun. Anda dikehendaki memperbaharui polisi insurans anda setiap tahun.

Nota: Senarai ini tidak lengkap. Anda harus merujuk kepada polisi untuk senarai penuh terma dan syarat.

5. Bolehkah saya membatalkan polisi saya?

Anda boleh membatalkan polisi anda dengan memberi notis bertulis kepada The Pacific Insurance Berhad dengan syarat tiada tuntutan yang timbul semasa tempoh insurans semasa. Walau bagaimanapun, bayaran balik premium tertakluk kepada terma dan syarat yang ditetapkan dalam polisi ini.

Jika anda mempunyai sebarang aduan, sila hubungi kami di:

Unit Pengawasan Aduan

40-01, Q Sentral, 2A Jalan Stesen Sentral 2, Kuala Lumpur Sentral, 50470 Kuala Lumpur, Malaysia.

(P.O. Box 12490, 50780 Kuala Lumpur, Malaysia.)

Tel: +603-2633 8999 Faks: +603-2633 8998 Emel: customerservice@pacificinsurance.com.my

Sekiranya anda tidak berpuas hati dengan maklum balas kami, anda boleh menghubungi pihak berikut:

(a) **Laman Informasi Nasihat dan Khidmat (BNMLINK) Bank Negara Malaysia**

Tingkat 4, Podium Bangunan AICB, No. 10, Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur

Tel: 1-300-88-5465 Faks: +603-2174 1515 Borang Sesawang: bnm.gov.my/BNMLINK

(b) **Perkhidmatan Ombudsman Pasaran Kewangan (FMOS)**

Tingkat 14, Blok Utama, Menara Takaful Malaysia, No. 4, Jalan Sultan Sulaiman, 50000 Kuala Lumpur

Tel: +603-2272 2811 Laman Sesawang: www.fmos.org.my